

SOALAN NO. 104

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. EWON BIN EBIN
[RANAU]**

SOALAN :

YB Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta PERDANA MENTERI menyatakan susulan dengan pengumuman penurunan kuasa autonomi daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak oleh YAB Perdana Menteri, apakah jenis kuasa-kuasa yang telah diturunkan kepada negeri Sabah dan Sarawak setakat ini .

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Malaysia yang telah ditandatangani antara pihak British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura pada 9 Julai 1963 secara jelas menetapkan obligasi pihak-pihak untuk mengambil tindakan perundangan, eksekutif dan tindakan lain bagi mengadakan peruntukan untuk menjamin dan melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan Perjanjian Malaysia telah dibuat melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang lain yang berkaitan.

Jawatankuasa Bersama Mengkaji *Empowerment* Secara Pentadbiran Kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak (JBMES) juga telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji perkara yang boleh dan akan diberi *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak secara berperingkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelaksanaan *empowerment* secara pentadbiran dan berperingkat adalah berdasarkan kepada ketetapan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara. *Empowerment* secara pentadbiran ini tertumpu kepada fungsi-fungsi operasi dan pentadbiran tanpa melibatkan implikasi perundangan yang memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan atau mana-

mana undang-undang negara yang berkaitan, termasuklah perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Selain pelaksanaan penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tersebut, pada 11 Mei 2016 Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan *devolution of authority* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dilaksanakan berpandukan hak-hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Jemaah Menteri bersetuju supaya Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara, meneliti semua hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak termasuklah dari segi peraturan-peraturan sedia ada dalam pelaksanaan *devolution of authority* kepada Sabah dan Sarawak.

Susulan keputusan Jemaah Menteri itu, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil daripada Kerajaan Persekutuan. Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Teknikal telahpun diadakan manakala Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa Pemandu akan diadakan dalam masa terdekat.

Proses pelaksanaan *devolution of authority* ini merupakan suatu proses yang berterusan dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan masih dijalankan. Kedua-dua proses penurunan kuasa dan *devolution of authority*

yang sedang dilaksanakan ini membuktikan keseriusan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mencari langkah penyelesaian yang terbaik bagi isu yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**
[SETIAWANGSA]
SOALAN : **105**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan jumlah kajian penerbitan yang telah dihasilkan oleh saintis negara yang telah menjadi rujukan di peringkat antarabangsa dan apakah usaha Kementerian bagi meningkatkan lagi penghasilan hasil kajian saintis tempatan yang bertaraf antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak 1996 sehingga 2017, sejumlah dua ratus dua puluh sembilan ribu empat ratus sepuluh (229,410) penerbitan telah dihasilkan oleh saintis negara (penulis yang beralamat di Malaysia) dan diindekskan dalam pangkalan data Scopus. Tiga bidang utama yang menyumbang kepada jumlah penerbitan tersebut adalah Kejuruteraan, Sains Komputer dan Perubatan. Daripada penerbitan berkenaan, sebanyak satu juta tiga ratus enam puluh sembilan ribu enam ratus lapan puluh dua (1,369,682) *citation* bagi tempoh tersebut telah direkodkan (data diakses pada 12 Julai 2017).

Selain itu, berdasarkan laporan Global Innovation Index (GII) 2017, Malaysia berada pada kedudukan ke-58 daripada 127 buah negara dari segi penerbitan saintifik.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sentiasa berusaha untuk meningkatkan pelaksanaan R&D di peringkat antarabangsa dengan kerjasama pakar-pakar antarabangsa untuk meningkatkan mutu penyelidikan negara ke peringkat global. Dalam hal ini, Malaysia telah menyatakan sokongan terhadap cadangan pewujudan ASEAN STI *Partnership Contributions* bagi merencanakan kolaborasi antarabangsa di peringkat ASEAN dalam bidang STI semasa 9th Informal ASEAN *Ministerial Meeting on Science and Technology (IAMMST-9)* pada 29 Oktober 2016 di Siem Reap, Cambodia.

Selain itu, Kerajaan khususnya melalui MOSTI sentiasa menjalinkan kerjasama dan kolaborasi STI dengan badan ternama dunia untuk mengantarabangsakan penyelidikan tempatan. Sebagai contoh, Program Newton-Ungku Omar Fund menyediakan dana padanan (*matching grant*) sebanyak 4 juta pound setahun di antara kerajaan Malaysia dan United Kingdom sehingga tahun 2018. Tujuh dari 14 projek dibawah Program Newton-Ungku Omar Fund ini diselaraskan oleh MOSTI menerusi Akademi Sains Malaysia. Ini membuka peluang kerjasama kepada para saintis tempatan untuk membuat penyelidikan dengan penyelidik United Kingdom dalam bidang teknologi baru.

MOSTI turut memberi insentif dalam bentuk anugerah di atas kecemerlangan penyelidikan saintis tempatan. Antaranya ialah anugerah

Top Research Scientists Malaysia (TRSM) yang mengenalpasti dan juga mengiktiraf saintis tempatan yang menunjukkan pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan. Sejak tahun 2012, seramai 120 orang saintis penyelidik Malaysia telah diiktiraf sebagai *Top Research Scientists Malaysia*.

Selain itu, kejayaan Cik Nur Adlyka Ainul Annuar seorang pelajar doktor Falsafah (PhD) pengajian Astrofizik di Pusat Astronomi Extragalaksi Universiti Durham, United Kingdom yang telah mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa. Hasil kajian beliau bersama sepasukan penyelidik telah berjaya membuktikan kewujudan lohong hitam gergasi yang tersembunyi di lingkungan kosmik semesta.

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia sentiasa mengambil inisiatif berterusan dalam usaha untuk meningkatkan penerbitan saintifik sebagai rujukan di peringkat antarabangsa. Selain itu, kementerian turut berusaha menyediakan pelbagai medium yang mampan dalam mengkoordinasikan hasil kajian R&D bagi tujuan pengkomersialan dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.